

19 MAY 2002

Mahathir-MIC

MIC LEBIH DINAMIK DIBAWAH PIMPINAN SAMY, KATA PERDANA MENTERI

SHAH ALAM, 19 Mei (Bernama) -- MIC dibawa pimpinan Datuk Seri S. Samy Vellu dan anggota pucuk pimpinannya telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam meneraju rakyat Malaysia keturunan India ke arah kemajuan dan kesejahteraan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata masyarakat India di negara ini walaupun merupakan penduduk minoriti, kini mempunyai fokus dalam memperjuangkan nasib mereka.

"Sebab itu, saya amat bangga dengan pencapaian MIC kerana berjaya melaksanakan pelbagai program untuk membangunkan masyarakat India Malaysia seperti meningkatkan tahap pendidikan, membasmi kemiskinan, menaikkan status sosial dan kedudukan ekonomi," katanya semasa merasmikan perhimpunan agung MIC ke-56d di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Kejayaan MIC, kata pengerusi Barisan Nasional itu, adalah kerana sikap dan kesedaran setiap anggotanya yang ingin melihat kaum India tidak ketinggalan dalam arus pembangunan dan kemajuan negara.

Dr Mahathir berkata taraf sosial ekonomi rakyat Malaysia berketurunan India kini semakin meningkat berbanding masa lalu.

"Anak-anak mereka kini mendapat peluang pendidikan yang cukup baik sehingga ramai yang memasuki institusi pengajian tinggi dan sering mendapat kelulusan yang cemerlang," katanya.

Beliau berkata hal ehwal dan nasib masyarakat India di Malaysia amat terbela dan diambil perhatian serius oleh kerajaan BN dengan sokongan dan kerjasama MIC.

Perdana Menteri juga berkata tidak mudah bagi MIC untuk mengubah sikap dan pemikiran masyarakat India untuk menerima perubahan dan kemajuan kerana ia memerlukan masa yang panjang.

"Yang kita lihat masih tertinggal ialah mereka yang mahu meneruskan hidup mereka seperti nenek moyang mereka iaitu bekerja dan tinggal di ladang-ladang yang jauh daripada pandangan kaum lain dan jauh dari pusat bandar," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata dalam hal ini nasib mereka tidak juga dilupakan oleh kerajaan kerana pelbagai usaha telah dibuat oleh kerajaan untuk memperbaiki taraf sosial ekonomi mereka.

"Kerajaan juga akan terus memastikan mereka tidak ditindas oleh majikan mereka," katanya.

-- BERNAMA

AT SR RON